



KATALOG SUDUT WIRA

BAHAN~BAHAN TUNKU ABDUL RAHMAN



PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI
ARKIB NEGARA MALAYSIA

ISBN 967 - 912 - 010 - 4

**KATALOG
BAHAN BAHAN SUDUT WIRA
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA**

**PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

KANDUNGAN

	Muka Surat
Pendahuluan	i
A. BIOGRAFI - TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA (APTARP)	1
T.1. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra bersama isterinya Tun Sharifah Rodziah	6
T.2. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bersama keluarga	6
T.3. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Pengakap, 1916	6
T.4. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai seorang pelajar, 1919	7
T.5. Persatuan Melayu Great Britain, 1927	7
T.6. Persatuan Bolasepak Kesebelas, St. Catherine, 1924 - 1925	8
T.7. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai seorang Siswazah, 1926	8
T.8. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bersama Ayahanda dan Kekandanya, 1934	9
T.9. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bersama Ayahanda, Bonda dan Anakanda-anakandanya, 1934	9
T.10. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra semasa menjadi Pegawai Daerah Sungai Petani, Kedah, 1936	9

KANDUNGAN

	Muka Surat
T.11. Y.T M. Tunku Abdul Rahman Putra bersama Pasukan Bolasepak Kejohanan Daerah, Kulim, Kedah, 1942	10
T.12. Lulus Ilmu Undang-undang dari Inner Temple, 1948	10
T.13. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra di lantik sebagai Presiden UMNO Kedua, 1951	11
T.14. Pembentukan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu, 1955	12
T.15. Rund ngan Ba ing, 1955,	14
T.16. Chin Peng di Mesyuarat Baling, 1955	14
T.17. Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, 1956	15
T.18. Pengisytiharan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, 1957	15
T.20. Per anjian Pertahanan dan Bantuan Bersama M' laya-Britain, 1957	16
T.21. Surat Chin Peng kepada Tunku Abdu Rahman Putra, 1957	17
T.22. Kediaman rasmi Perdana Menteri 1957-1970	17
T.25. Persidangan Perdana-Perdana Menteri dan Komanwel, 1960	18

KANDUNGAN

	Muka Surat
T.26. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman disambut meriah kembalinya dari Persidangan Perdana-Perdana Menteri Komanwel, 1960	18
T.27. Pengisytiharan Penamatan Undang-undang Darurat (1948), 1960	19
T.30. Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Luar Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) Di Bangkok, Thailand, 1961	20
T.32. Rombongan Malaysia kembali dari London, 1963	21
T.33. Perlantikan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Canselor Universiti Malaya, 1962	21
T.34. Pembentukan Badan Perunding Maphilindo, 1963	22
T.35. Perisytiharan Penubuhan Malaysia, 1963	22
T.37. Anugerah Bintang Kehormat dari Korea Selatan, 1964	23
T.40. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra menerima Anugerah Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), 1970	24
T.41. Ucapan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, di Perjumpaan UMNO, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970	24

KANDUNGAN

	Muka Surat
T.42. Jamuan Perpisahan untuk Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, 1970	25
T.44. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra melawat Iran, 1970	25
T.45. Perletakan jawatan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Presiden UMNO, 1970	25
T.48. Ucapan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Pengerusi, di Perhimpunan Penubuhan Jawatankuasa Persediaan Penubuhan Bank Islam, Jeddah, 14hb Mei 1974	26
T.49. Bergambar ramai selepas Persidangan Menteri-Menteri Kewangan, Jeddah, 1974	27
T.50. 'Think Big' Memenangi Perlumbaan Piala Melbourne, 1975	27
T.51. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang dari Universiti Sains Malaysia, 1975	28
T.52. Upacara meletakkan Batu Asas Bangunan PERKIM, Kuala Lumpur, 1976	28
T.56. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra menandatangani buku "View Points", 1978	29

KANDUNGAN

Muka Surat

- | | | |
|-------|---|----|
| T.61. | Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra di
Majlis Jamuan Makan Persatuan Cina
Malaysia, 1981 | 30 |
| T.62. | Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra menerima
Sijil Perkhidmatan Cemerlang dari 'United
States Sports Academy', 1981 | 30 |
| T.63. | Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra
melawat Republik Rakyat China, 1982 | 31 |
| T.65. | 'Album Malaya Merdeka' 31 Ogos, 1957
disusun dan diterbitkan oleh Nong Chik
Ghani, I.B. Muara, A. Rahim Satiman dan
Adnan Ahmad Qalam, 1957, 99 muka surat | 32 |
| T.67. | 'Prince and Premier' oleh Harry Miller
diterbitkan oleh George G. Harrap &
Co. Ltd., 1959, 224 muka surat | 32 |
| T.69. | 'Tribute to Tunku Abdul Rahman' oleh
S. Dural Raja Singam diterbitkan oleh
Malayan Times Limited, 1963, 147
muka surat | 32 |
| T.73. | 'The Prince and I' oleh T.H. Tan, diterbitkan
oleh Sam Boyd Enterprise, Mini Media
Pte. Ltd. 1979, 187 muka surat | 33 |
| T.75. | Artikel bertajuk 'Lawatan Tunku Ke China'
di dalam majalah 'Islamic Herald'
Terbitan PERKIM Volume 6, Nombor
3 dan 4, 1980 | 33 |

KANDUNGAN

	Muka Surat
T.78. Surat Penganugerahan Pingat daripada Sultan Kedah, 1959	34
T.79. Suratcara Perlantikan sebagai Canselor Universiti Malaya 1962	34
T 80. Dokumen Pemasyuran Kemerdekaan, 1957	34
T 80 A Dokumen Pemasyuran Malaysia, 1963	34
T 81. Surat Penghargaan dari Kerajaan, Jerman Barat, 1967	35
T 83. Surat Penghargaan dar UMNO, 1971	35
T 88 Cenderamata daripada UMNO Pulau Pinang	35
T 91 Kayu Golf	35
T 93 Kayu Golf - 'Pemenang Permainan'	36
T 94. Pakaian untuk Majlis Rasmi	36

PENDAHULUAN

Saya berasa syukur dan amat bangga kerana Jabatan ini telah berjaya mengeluarkan siri katalog Sudut Wira. Katalog ini adalah sebagai panduan kepada pelawat-pelawat yang melawat ke Sudut Wira Jabatan ini. Tujuan pameran ini diadakan adalah untuk mempamerkan sebahagian daripada bahan-bahan tokoh negara iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Hussein Onn, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sejumlah 154 entri dimuatkan dalam terbitan ini yang mengandungi gambar, dokumen, bahan objek berhubung dengan tokoh tersebut. Katalog ini memberi maklumat mengenai koleksi tokoh-tokoh yang ada di Arkib Negara.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pegawai dan Kakitangan Bahagian Arkib Perdana Menteri yang telah menyediakan katalog ini.

DATO' ZAKIAH HANUM
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia.

1 November 1990.

Ahli Kumpulan Kerja

- | | | |
|-------------------|---|--|
| Penyunting | - | Puan Wan Jamilah H. Rahman |
| Penyusun | - | Puan Faridah Ishak |
| Pembantu | - | Puan Hasnah Abu
Puan Rehan Harun
Puan Saufi Abd. Rahman
Puan Wan Rosnani Wan Othman |
| Jurutaip | - | Puan Sa'diah Abd. Aziz |

A. BIOGRAFI

Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dilahirkan di Istana Pelamin Alor Setar, Kedah pada 8 Februari 1903. Beliau adalah putera ketujuh Almarhum Sultan Abdul Hamid Shah iaitu Sultan Kedah yang ke-24. Bonda beliau ialah Che' Manjalara anak perempuan Luang Mira, Ketua Kaum Shan di Negeri Siam. Pada tahun 1939 Y.T.M. Tunku berkahwin dengan Sharifah Rodziah Syed Alwi Barakbah.

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman mula belajar ketika berusia 4 tahun. Walau bagaimanapun persekolahan secara formal bermula ketika beliau berumur 6 tahun di mana beliau bersekolah Inggeris di Alor Setar di sebelah pagi dan belajar membaca Al-Quran pada sebelah petang. Ketika berusia 8 tahun beliau telah dihantar ke Bangkok dan belajar di Sekolah Thebsurian. Pada tahun 1915 beliau telah kembali ke Kedah dan meneruskan pelajarannya di Sekolah Penang Free di Pulau Pinang.

Pada tahun 1919, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman telah dikurniakan biasiswa Negeri Kedah untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Beliau berangkat ke England pada tahun 1920 untuk memasuki St. Catherine College, Universiti Cambridge di mana beliau memperoleh ijazah B.A. pada tahun 1925. Beliau adalah putera di Raja Kedah yang pertama menerima ijazah dari Universiti Britain. Semasa menuntut di Universiti tersebut, Y.T.M. Tunku telah berjaya mengusahakan Penubuhan Persatuan Melayu Great Britain pada tahun 1926. Beliau telah dilantik menjadi Setiausaha pertama persatuan tersebut. Pada tahun 1938, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman telah dihantar semula ke England untuk belajar undang-undang di Inner Temple. Beliau terpaksa balik sebelum tamat pelajaran kerana Perang Dunia Kedua. Di Tanah Melayu beliau memulakan khidmatnya sebagai seorang Kadet di Pejabat Penasihat Undang-undang di Alor Setar. Selepas itu beliau berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah Sungai Petani dan Kulim serta menjadi Pegawai Daerah di beberapa buah daerah di Negeri Kedah.

Pada tahun 1946 beliau sekali lagi ke England untuk menyambung pelajaran undang-undangnya. Beliau kembali ke tanah air setelah tamat pengajian pada tahun 1949. Pada masa beliau berusia 46 tahun beliau telah dilantik menjadi Pengerusi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malaya National Organisation - UMNO Bahagian Kedah). Tidak lama kemudian beliau ditukarkan ke Kuala Lumpur untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Undang-undang Persekutuan. YTM Tunku Abdul Rahman telah meletakkan jawatan dari Perkhidmatan Kerajaan untuk menjadi Yang DiPertua Umno bagi menggantikan 'Datu' Onn Jaafar pada 26 Ogos 1951

Semasa memegang jawatan Yang DiPertua UMNO beliau berusaha menyelesaikan masalah politik di Tanah Melayu dengan mendapatkan kerjasama dari semua kaum. Hasil dari usaha ini satu perikatan antara Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO Persatuan Cina Malaya MCA dan Kongres India Malaya MIC) telah diwujudkan dan gabungan ini dikenali sebagai Perikatan.

Pilihanraya Persekutuan yang pertama telah diadakan dalam bulan Januari 1955. Dalam pilihanraya itu Perikatan telah menang dengan mendapat 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. YTM Tunku kemudian dilantik menjadi Ketua Menteri dan Menteri Ekuivalen Dalam Negara.

Satu dari pada perkara penting dalam manifesto pilihanraya Perikatan ialah hendak menamatkan Darurat melalui perjanjian dan rundingan dengan Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya Chin Peng dari mesyuarat pengampunan kepada penganas-penganas.

Pengampunan itu telah disyorkan pada 9 September 1955 dan Rundingan Baling pula diadakan pada 27-28 Disember 1955. YTM Tunku telah meminta komunis meletakkan senjata. Syarat ini tidak dipersetujui oleh Chin Peng dan rundingan berakhir dengan kegagalan.

Pada tahun 1956, YTM Tunku telah pergi ke London dan berbincang dengan Kerajaan British untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Rombongan ini telah berjaya dan tarikh 31 Ogos 1957 telah ditetapkan sebagai tarikh kemerdekaan. Apabila Tanah Melayu merdeka, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik sebagai Perdana Menteri yang pertama. Sejak merdeka, Y.T.M. Tunku berusaha ber-sungguh-sungguh menegakkan Kerajaan yang bertanggungjawab dan memelihara perhubungan baik dengan negara luar. Persekutuan Tanah Melayu telah menjadi anggota Komanwel dan telah menandatangani satu Perjanjian Pertahanan dengan United Kingdom.

Dalam tempoh beberapa bulan pertama pentadbiran, Y.T.M. Tunku telah banyak membuat kunjungan muhibah keluar negeri termasuk Vietnam, Ceylon, Jepun dan Brunei. Pada bulan Januari 1959 semasa menjadi tetamu Negara Filipina, Y.T.M. Tunku telah mengusulkan pembentukan satu persekutuan negara-negara Asia Tenggara bagi merapatkan kerjasama ekonomi dan kebudayaan serantau. Usul tersebut dipersetujui sepenuhnya oleh Presiden Garcia dan ini membawa kepada perwujudan Persekutuan Negara Asia Tenggara (Association of South East Asia - ASA) pada tahun 1961. Sebelum itu semasa di persidangan Suruhanjaya Ekonomi Asia dan Timur Jauh (ECAPE) yang pertama yang diadakan di Kuala Lumpur pada 5 Mac 1958, Y.T.M. Tunku telah menyeru negara-negara Asia supaya mengurangkan perbelanjaan senjata masing-masing dan berusaha membantu meninggikan taraf hidup rakyat negara-negara miskin.

Dalam bulan Mei 1961, di satu Majlis Makan Tengahari dengan Wartawan Asing di Singapura, Y.T.M. Tunku telah memeranjatkan para hadirin dengan kenyataan bahawa Tanah Melayu akan mempunyai persefahaman dengan British, Singapura, Sabah, Brunei dan Sarawak. Inilah asalnya Rancangan Malaysia yang telah menjadi kenyataan pada hari ini. Hasrat Y.T.M. Tunku menubuhkan Malaysia telah ditentang oleh negara Filipina dan Indonesia. Dengan kesungguhan dan kegigihan serta ketabahan beliau, Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak berjaya diisytiharkan pada 16 September 1963. Malangnya Y.T.M. Tunku terpaksa mengeluarkan Singapura dari Malaysia pada bulan Ogos 1965.

Dalam pilihanraya 1964 dan 1969 Parti Perikatan masih beroleh kemenangan terus memegang tampuk pemerintahan. Walau bagaimanapun pada 13 Mei 1969 satu peristiwa pahit telah berlaku di mana kekacauan antara kaum telah tercetus dan ini memaksa Kerajaan mengsyiarkan darurat sekali lagi. Parlimen telah digantung dan negara diperintah oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang diketuai oleh Tun Abdul Razak. Pada 22 September 1970, YTM Tunku telah meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri untuk memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin muda dan tempat beliau telah digantikan oleh Tun Abdul Razak bin Hussein.

Semasa menjadi Perdana Menteri, YTM Tunku telah banyak membawa perubahan dan mengharumkan nama Malaya/Malaysia di negara-negara Barat juga di rantau Asia. Antara lain YTM Tunku telah mendapat sanjungan dunia apabila beliau dengan berani menyuarakan kritiknya mengenai dasar Apartheid Afrika Selatan. Selepas itu beliau juga mendapat kejayaan dalam lawatannya ke Eropah sebagai Tetamu Negara Belgium, Belanda dan Perancis.

Dari segi penghargaan akademik pula YTM Tunku telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang oleh Universiti Cambridge pada tahun 1960. Penghormatan yang sama juga beliau terima dari Universiti Malaya, Universiti Sydney Australia, Universiti Arena Filipina, Universiti Saigon (1961), Universiti Agra India 1962 dan Universiti Kebangsaan Seoul, Korea 1963. Beliau juga telah dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Oxford, England pada tahun 1970 dan Ijazah Kehormat Pentadbiran Awam dan Universiti di Thailand.

Setelah bersara YTM Tunku telah menumpukan perhatiannya pada amalan kegiatan-kegiatan kebajikan. Beliau terus memimpin Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) yang beliau tubuhkan pada tahun 1960. Malah beliau juga adalah Presiden kepada Regional Islamic Da'awah Council of South East Asia and Pacific (RISEAP) dan Setiausaha Agung Sekretariat Islam di Jeddah. Kedudukan ini telah membolehkan beliau membuat cadangan dan seterusnya menghasikan Penubuhan Bank Pembangunan Islam pada tahun 1974.

Di bidang sukan, Y.T.M. Tunku juga turut memberi sumbangan terutama sekali bolasepak. Minat beliau terhadap sukan tersebut amat jelas sejak beliau di bangku sekolah lagi. Beliau pernah menjadi ahli pasukan bolasepak Penang Free School, Pulau Pinang dan juga menganggotai pasukan bolasepak St. Catherine College, England. Y.T.M. Tunku adalah Honorary Life President (President Kehormat Seumur Hidup) Persatuan Bolasepak Malaysia. Malah beliau juga telah dilantik menjadi Presiden Asian Football Confederation dan Asian Badminton Association. Sebagai penghargaan kepada jasa-jasa beliau ini, Kerajaan Malaysia telah menganugerahkan beliau gelaran 'Tokoh Sukan Negara' pada 2 Jun 1979. Kecemerlangan Y.T.M. Tunku di bidang sukan juga turut diiktiraf oleh negara luar di mana beliau telah dianugerahkan sijil 'United States Distinguished Service Award' pada 6 Disember 1981.

Di samping bidang sukan Y.T.M. juga turut memberi perhatian kepada kebudayaan. Beliau menekankan pentingnya usaha-usaha dijalankan bagi memupuk semangat perpaduan antara kaum di Malaya/Malaysia melalui kebudayaan. Kenyataan ini pernah dibuat semasa beliau merasmikan Pesta Kebudayaan yang pertama yang diadakan di Taman Bunga, Kuala Lumpur tahun 1956.

Di bidang penulisan pula Y.T.M. Tunku masih lagi aktif. Ruangan 'As I see It' di akhbar The Star adalah ruang yang beliau gunakan bagi melahirkan pendapat untuk disampaikan kepada umum. Kebanyakan tulisan beliau ini telah dibukukan. Antara hasil tulisan Y.T.M. Tunku termasuklah Sudut Pandangan/Viewpoints, Something To Remember, Lest We Forget, Challenging Times, May 13 Before and After, Political Awakenings, Contemporary Issues In Malaysian Politics and As A Matter of Interest.

Sebagai seorang yang banyak menabur jasa kepada negara dan bangsa, beliau telah banyak dianugerahkan Bintang-bintang Kehormatan bagi menghargai jasa-jasa tersebut. 'Kedah Order of Merit' (KOM) adalah merupakan anugerah dari D.Y.M.M. Sultan Kedah pada tahun 1958 yang paling beliau hargai.

Y.T.M. Tunku adalah Negarawan yang ulung dan seorang pemimpin negara yang telah memerdekakan negara tanpa pertumpahan darah. Beliau amat diplomatis dan sentiasa berusaha gigih untuk menanam perasaan muhibah di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

T 1. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra bersama isterinya Tun Sharifah Rodziah.
Sumber APTARP G.2383

T 2 Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bersama keluarga

Gambar menunjukkan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bergambar bersama-sama isterinya Tun Sharifah Rodziah dan anak-anak angkatnya Mariam (berdiri di sebelah kiri Sulaiman berdiri di sebelah kanan dan Faridah (duduk).
Sumber APTARP G.2385

T 3 Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Pengakap 1916

Pada tahun 1916 sewaktu berusia 12 tahun, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah memasuki Penang Free School di Pulau Penang. Penang Free School telah ditubuhkan pada tahun 1916 oleh Sir Francis Light. Sekolah ini dibuka kepada semua pelajar dari semua keturunan dan agama.

Sewaktu menuntut di sekolah tersebut Y.T.M. Tunku giat dalam kegiatan-kegiatan luar sekolah. Salah satu lapangan yang diminati ialah Pasukan Pengakap. Beliau diantik menjadi Pasukan Pengakap sekolahnya dan kemudian beliau juga diantik menjadi Pegawai Rendah dalam Pasukan Kadet Sekolah. Sewaktu menjadi kadet beliau telah mempelajari teknik menembak yang akhirnya menjadi satu kegemaran beliau di masa lapang.

Keihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra berpakaian pengakap bersama sahabatnya bernama Thavil.
Sumber APTARP G.1742

T.4. Tunku Abdul Rahman sebagai seorang pelajar, 1919

Sewaktu berusia 13 tahun Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah dimasukkan oleh bondanya Che' Manjalara ke Penang Free School di Pulau Pinang. Pada tahun 1919, sewaktu usianya 16 tahun beliau telah dikurniakan biasiswa Kerajaan Negeri Kedah untuk belajar di England bagi peperiksaan masuk Universiti. Pada masa itu Kerajaan Negeri Kedah telah mengambil keputusan untuk membiayai pelajar yang terbaik bagi melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Bagi mendapatkan biasiswa tersebut seseorang pelajar perlu lulus dalam peperiksaan darjah tujuh. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah lulus peperiksaan yang disyaratkan dan beliau adalah Putera yang pertama menerima biasiswa tersebut.

Pada bulan Mei 1920, Y.T.M. Tunku berlepas ke London menaiki kapal Rhesus untuk memulakan hidup sebagai seorang pelajar di luar negeri.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sewaktu menjadi penuntut di England dalam usia belasan tahun.

Sumber: APTARP G.2346

T.5. Persatuan Melayu Great Britain, 1927

Memandangkan perlunya wujud satu pertubuhan bagi menyatupadukan pelajar-pelajar Melayu di Great Britain, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah mengesyorkan supaya ditubuhkan Persatuan Melayu Great Britain. Dalam mesyuarat pertama penubuhannya pada tahun 1927 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman dari Negeri Sembilan telah dilantik menjadi Presidennya yang pertama dan Tunku Abdul Rahman telah dilantik menjadi Setiausaha Kehormatnya.

Gambar di atas diambil dalam satu Majlis Makan Malam Persatuan Melayu Great Britain sejurus selepas Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra (duduk nombor 4 dari kiri) mengganti-

kan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman (Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama) duduk nombor 3 dari kiri, sebagai Yang DiPertua Persatuan Melayu Great Britain.
Sumber: APTARP G.199

T.6. Persatuan Bolasepak Kesebelas, St. Catherine, 1924-1925

Gambar menunjukkan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bergambar bersama ahli-ahli pasukan bolasepak Persatuan St. Catherine, di hadapan bangunan Kolej St. Catherine. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra ialah penuntut kolej St. Catherine Cambridge, dari tahun 1920-1925 dan telah lulus dari Institusi tersebut dengan mendapat Ijazah Bachelor of Arts (Sarjana Muda Sastera) pada bulan Disember 1925. Sebagai penuntut Kolej tersebut beliau telah mengambil bahagian yang aktif di dalam Persatuan Bolasepak iaitu salah satu dari bidang sukan yang beliau minati.
Sumber: APTARP G.44

T.7. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai seorang Siswazah, 1926

Pada tahun 1919 Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah dikurniakan biasiswa Kerajaan Negeri Kedah untuk belajar di England bagi peperiksaan masuk ke Universiti. Setelah lulus, beliau telah diterima memasuki St. Catherine's College, Universiti Cambridge. Di Universiti Cambridge beliau pada mulanya mengambil jurusan undang-undang tetapi kemudian bertukar kejurusan sejarah. Beliau telah lulus dengan mendapat Ijazah B.A. pada bulan Jun 1926. Beliau adalah putera Kedah yang pertama menerima ijazah dari mana-mana universiti di Britain.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra memakai jubah selepas menerima Ijazah B.A. dari Universiti Cambridge, England.
Sumber: APTARP G.210

T.8. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bersama Ayahanda dan Kekandanya, 1934

**Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bergambar bersama ayah-andanya Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan kekandanya Tunku Mohamad Jawa. Gambar ini diambil dalam tahun 1934 sempena Hari Keputeraan Sultan Abdul Hamid Shah yang ketujuh puluh dua di Istana Kota Lama, Alor Setar, Kedah.
Sumber: APTARP G.2155**

T.9. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bersama ayahanda, bonda dan anakandanya, 1934

**Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bergambar bersama-sama ayahanda Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan bondanya Cik Manjalara. Kelihatan duduk bersila di sebelah kiri ialah Y.M. Tunku Ahmad Nerang dan Y.M. Tunku Khatijah. Gambar tersebut telah diambil pada hari perayaan Jubli Intan Sultan Abdul Hamid Halim Shah, pemerintah negeri Kedah, pada tahun 1934.
Sumber: APTARP G.93**

T.10. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra semasa menjadi Pegawai Daerah Sungai Petani, Kedah, 1936

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bergambar ramai semasa beliau menjadi Pegawai Daerah di Sungai Petani, Kedah pada tahun 1936. Sekembalinya dari England, beliau telah memasuki Perkhidmatan Awam Negeri Kedah sebagai seorang Kadet di Pejabat Penasihat Undang-undang di Alor Setar dan kemudian beliau menjadi Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai Daerah di beberapa daerah di Kedah. Pada tahun 1938 beliau telah pergi semula ke England untuk meneruskan pelajaran undang-undang tetapi terpaksa kembali ke Tanah Melayu apabila Perang Dunia Kedua meletus. Beliau bertugas semula sebagai Pegawai Daerah Sungai Petani dan kemudian ditukarkan ke Kulim, Kedah. Kegiatan beliau sebagai Pegawai Daerah di Kulim tidak disukai oleh Jepun, oleh itu beliau telah dipindahkan ke Alor Setar. Pada tahun 1943 beliau dilantik men-

Jadi Penyelia Pelajaran dan memegang jawatan tersebut sehingga British pulang ke Malaya dalam tahun 1945.

Kelihatan dalam gambar berdiri dari kiri ke kanan Tuan Syed Syeikh Barakbah (Bekas Gabenor Pulau Pinang), Allahyarham Syed Akib, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Encik Azmi bin Hj. Mohamed (Hakim Besar), Allahyarham Syed Omar Shahabuddin (Bekas Menteri Besar Kedah) dan Syed Hussein (Pengadil di Seberang Perai).

Sumber: APTARP G.1534

T.11. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bersama pasukan Bolasepak Kejohanan Daerah, di Kulim, Kedah, 1942.

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bergambar bersama-sama dengan pasukan bolasepak yang bertanding bagi kejohanan Daerah Kulim. Kelihatan juga dalam gambar ialah tentera-tentera Jepun yang ditempatkan di Kulim. Y.T.M. Tunku ialah Pegawai Daerah Kulim pada masa itu. Pada masa beliau menjadi Pegawai Daerah di kawasan itu, beliau telah mengusahakan aktiviti-aktiviti sukan terutamanya bolasepak dengan tujuan memupuk semangat perpaduan dan semangat kebangsaan di kalangan penduduk-penduduk tempatan.

Setelah Jepun dapat bertapak di Tanah Melayu pada tahun 1942, Y.T.M. Tunku telah ditukarkan ke Alor Setar dalam tempoh 12 jam dan diberi tugas baru sebagai Penyelia Pelajar di Kedah. Pertukaran mengejut ini ialah kerana pihak Jepun tidak bersetuju dengan cara-cara pentadbiran beliau di Kulim. Jepun morasakan yang Y.T.M. Tunku cuba menaikkan semangat penduduk-penduduk di Kulim supaya membenci mereka dan menentang aktiviti-aktiviti Jepun.⁴

Sumber: APTARP G.211

T.12. Lulus Ilmu Undang-Undang Dari Inner Temple, 1948

Selepas menerima Ijazah B.A. dari University of Cambridge pada tahun 1925, Y.T.M. Tunku telah kembali ke Tanah

Melayu. Selepas 4 bulan di tanah air, atas arahan kekandanya Y.M. Tunku Ibrahim, Y.T.M. Tunku telah dihantar semula ke London untuk mengikuti kursus ilmu undang-undang. Dalam tahun 1930 beliau telah kembali ke tanah air dan telah memasuki Perkhidmatan Awam Negeri Kedah sebagai seorang kadet di Pejabat Penasihat Undang-Undang di Alor Setar, kemudian menjadi Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai Daerah di Kulim dan Kuala Nerang dan Pegawai Daerah di Pulau Langkawi.

Pada tahun 1938, beliau telah pergi ke England semula untuk meneruskan pelajaran undang-undangnya tetapi telah terhalang apabila Perang Dunia Kedua meletus pada tahun 1942.

Dalam bulan Januari, 1946 sekali lagi beliau berangkat ke England dan kali ini dengan penuh azam untuk lulus peperiksaan undang-undang. Hajatnya berhasil dan cita-citanya tercapai apabila pada tahun 1948, beliau telah lulus ilmu undang-undang dari Inner Temple. Waktu itu beliau berusia 45 tahun. Beliau adalah merupakan seorang penuntut luar negeri yang pertama yang diakui oleh universiti ini sebagai seorang peguam.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra berpakaian tradisi sebagai seorang peguam.
Sumber) APTARP G.830

T.13. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra dilantik sebagai Presiden UMNO kedua, 1951

Pada tahun 1951, UMNO telah mengorak sejarah baru dengan melantik Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Presiden Parti UMNO yang ke-2 menggantikan Datuk Onn bin Jaafar. Perlantikan ini dibuat di Persidangan Agung UMNO yang Ke-6 yang telah diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 26hb. Ogos, 1951.

Datuk Onn bin Jaafar, pengasas UMNO telah dengan rela hati

meletakkan jawatannya sebagai Presiden Parti yang telah dipegangnya selama 5 tahun. Polisi Datuk Onn mengenal undang-undang kerakyatan dan membuka keahlian UMNO kepada kaum asing telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ahli-ahli UMNO. Perasaan ini telah menimbulkan kemarahan ahli-ahli UMNO dan terus menentang polisi ini. Penentangan inilah yang membawa kepada beliau meletakkan jawatan.

Selepas Datuk Onn meletakkan jawatan, UMNO memerlukan penggantinya. Ahli-ahli UMNO telah meminta Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bertanding bagi jawatan Presiden. Permintaan ahli-ahli UMNO telah dipersetujui dan Y.T.M. Tunku telah ditentang oleh dua orang tokoh lama yang terkenal iaitu Encik C.M. Yusoff dan Tuan Haji Ahmad Fuad. Y.T.M. Tunku telah berjaya dan beliau telah dilantik menjadi Presiden Kedua bagi Parti UMNO. Di dalam ucapan ulungnya sebagai Presiden Parti Y.T.M. Tunku telah berikrar akan berusaha untuk mendapatkan Kemerdekaan Tanah Melayu, di mana janji ini telah dibuktikan dan Malaya telah mencapai kemerdekaan pada 31hb. Ogos, 1957. Y.T.M. Tunku telah dilantik menjadi Perdana Menteri yang pertama.

Kelihatan dalam gambar dari kiri ke kanan ialah Encik Hussein bin Onn, anak kepada Datuk Onn yang juga memegang jawatan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Onn bin Jaafar, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra dan Puan Hajah Ainon binti Sulaiman (Ibu Zain).

Sumber: APTARP G.1998

T.14. Pembentukan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu, 1955

Selaku Ketua Menteri, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah membentuk kabinetnya bagi Persekutuan Tanah Melayu yang terdiri dari 10 orang Menteri, 2 orang Timbalan Menteri dan 3 orang Penolong Menteri. Pembentukan Kabinet Pertama ini adalah berikutan dengan kemenangan Parti Perikatan di

dalam Pilihanraya Umum Yang Pertama Persekutuan Tanah Melayu pada 27hb. Julai, 1955. Dalam pilihanraya tersebut Parti Perikatan telah mendapat 51 kerusi dari 52 kerusi yang dipertandingkan.

Susunan Jemaah Menteri bagi kabinet baru ini adalah, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Ketua Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sementara Menteri Mudanya disandang oleh Encik Bahaman bin Samsuddin, Menteri Pelajaran dipegang oleh Encik Abdul Razak bin Hussein dan Menteri Pengangkutan ialah Kolonel H.S. Lee. Menteri Pertanian dan Perikanan di pegang oleh Encik Abdul Aziz bin Ishak sementara Menteri Mudanya dipegang oleh Encik Mohd Khir Johari. Menteri Kesihatannya ialah Encik Baba Leong Yew Koh dan Menteri Mudanya Encik Abdul Rahman bin Talib Menteri Kerjaraya ialah Encik Sardon Jubir, Menteri Buruh disandang oleh Encik V.T. Sambanthan dan Menteri Mudanya ialah Encik Khalid Awang Osman. Menteri Kerajaan Tempatan Perumahan dan Perancangan Bandar disandang oleh Encik Sulaiman bin Datuk Abdul Rahman dan Menteri Perhubungan Telekom dan Pos disandang oleh Encik Ong Yoke Lin.

Kesemua nama 15 orang Jemaah Menteri ini telah diumumkan dengan rasminya oleh Pesuruhjaya Tinggi British Sir Donald Mac Gillivray setelah diperkenan oleh Raja-Raja Melayu.

Kelihatan dalam gambar duduk dari kiri ke kanan ialah Dr. Ismail Abdul Rahman, Kolonel H.S. Lee, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Sir Donald Mac Gillivray, Sir David Watherston, Mr. Broodie, Encik Abdul Razak bin Hussein. Berdiri dari kiri ke kanan ialah A.S.H. Kemp, Encik Sardon bin Jubir, Encik Ong Yoke Lin, Encik Abdul Aziz bin Ishak, Encik Leong Yew Koh, Encik V.T. Sambanthan dan Encik Sulaiman b. Dato Abdul Rahman.

Sumber: APTARP G.2378

T.15. Rundingan Baling, 1955

Keberanian Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra berhadapan dengan pemimpin Parti Komunis Malaya, Chin Peng di Baling merupakan peristiwa penting dalam sejarah. Parti Komunis Malaya telah mencetuskan Darurat selepas Perang Dunia Kedua, sedangkan rakyat Persekutuan Tanah Melayu di bawah pimpinan Y.T.M. Tunku inginkan kedamaian dan kemerdekaan. Berbagai cara telah dibuat bagi memulihkan keadaan, antaranya ialah dengan cara memberi pengampunan beramai-ramai, dan membuat pertemuan dengan Ketua Parti Komunis Malaya - Chin Peng yang telah diadakan pada 28hb. Disember, 1955. Rundingan ini telah gagal mencapai matlamatnya.

Gambar ini menunjukkan wakil-wakil Persekutuan Tanah Melayu sedang menuju ke tempat rundingan, di Baling, Kedah. Kelihatan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra nombor satu dari kanan, sebagai Ketua Perwakilan, Ketua Persatuan Cina Malaya (MCA) Encik Tan Cheng Lock bertopi dan berkacamata hitam dan Encik David Marshall Ketua Menteri Singapura nombor dua dari kiri.
Sumber: APTARP G.2381

T.16. Chin Peng di Mesyuarat Baling 1955

Pemimpin Parti Komunis Malaya, Chin Peng (duduk di tengah) bersama-sama dengan pengiring kanannya Rashid Mydin (kiri) dan Chen Tien (kanan) sewaktu menghadiri perbincangan dengan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra (Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu) di Baling, Kedah pada 28hb. Disember 1955.
Sumber: APTARP G.2384

T.17. Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, 1956

Pada 8 Februari, 1956, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah menandatangani bagi pihak Persekutuan Tanah Melayu, Perjanjian Merdeka, di Lancaster House, London. Setiausaha Negeri bagi Tanah Jajahan Tuan Alan Lennox Boyd telah menandatangani bagi pihak Kerajaan British.

Mengikut perjanjian tersebut, Kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu akan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957. Antara perkara-perkara lain yang tercatat dalam Perjanjian Merdeka ini ialah perubahan-perubahan berkaitan dengan Kementerian dan Jabatan-jabatan bagi Persekutuan Tanah Melayu. Penasihat-penasihat British akan dibatalkan dan dengan itu akan berlaku pindaan-pindaan dalam perjanjian-perjanjian negeri, perlembagaan negeri dan Perjanjian Persekutuan.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sedang memberi pen kepada Setiausaha Tanah Jajahan Tuan Alan Lennox Boyd setelah menandatangani dokumen yang memindahkan kuasa tersebut.

Sumber: APTARP G.288

T.18. Pengisytiharan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, 1957.

Pada jam 9.30 pagi, 31 Ogos, 1957 bermula dengan nama Allah dan segala pujian bagiNya serta selawat dan salam ke atas para Rasul, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama telah membacakan Pengisytiharan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Stadium Merdeka Kuala Lumpur, di hadapan dua puluh ribu rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan Raja-rajanya serta perwakilan dari tiga puluh negara Komanwel dan negara-negara asing lainnya.

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu adalah berdasarkan kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 yang diperbuat di antara D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth dengan D.Y.M.M. Raja-raja Melayu. Mengikut perjanjian itu mulai 31 Ogos, 1957 Negeri-negeri Melayu iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau Pinang adalah menjadi sebuah Persekutuan yang dipanggil Persekutuan Tanah Melayu.

Di akhir pengisytiharan itu Y.T.M. Tunku telah meneriakkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali dan disambut dengan bergemuruh oleh rakyat. Serentak dengan itu bendera Persekutuan Tanah Melayu pun dinaikkan dengan diringi oleh lagu Kebangsaan 'Negaraku' diikuti pula dengan seruan azan dan tembakan meriam seratus satu das.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra mengangkat tangan meneriakkan 'Merdeka' yang disambut oleh rakyat di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos, 1957.

Sumber: APTARP G.289

T.20. Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama Malaya-Britain, 1957

Pada 13 Oktober, 1957, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah menandatangani Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama antara Kerajaan Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu. Perjanjian ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa Kerajaan Inggeris memberi jaminan keselamatan, mempertahankan kedaulatan Persekutuan, memberi bantuan kewangan, kelengkapan tentera, latihan-latihan kepada anak watan Persekutuan Tanah Melayu ke arah menubuhkan dan membina satu pasukan tentera Tanah Melayu.

Menurut perjanjian itu, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, membenarkan tentera Inggeris ditempatkan di

kawasan-kawasan yang tertentu yang telah dipersetujui oleh Persekutuan Tanah Melayu. Inggeris juga diberi pengkalan tentera di Tanah Melayu dengan syarat jumlah anggota tentera dan letak pengkalan ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bagi pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sedang menandatangani Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama, antara Persekutuan Tanah Melayu dan British yang diwakili oleh Encik G.W. Tory, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Persekutuan Tanah Melayu.

Sumber: APTARP G.2314

T.21. Surat Chin Peng kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, 1957

Surat yang ditulis oleh Chin Peng, Ketua Parti Komunis Malaya kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 12 Oktober, 1957. Surat tersebut adalah ekoran dari perbincangan di Baling (Baling Talks) pada 28 Disember, 1955 yang gagal mencapai sebarang persetujuan.

Sumber: APTARP G.311

T.22. Kediaman Rasmi Perdana Menteri 1957-1970

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957 Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Kelihatan dalam gambar ialah kediaman rasmi Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sewaktu menjadi Perdana Menteri sehinggalah beliau bersara. Sebelum itu Residen tersebut pernah menjadi rumah kediaman Penasihat British kepada Sultan Selangor.

Sumber: APTARP G.2365

T.25. Persidangan Perdana-Perdana Menteri Komanwel, 1960

Pada tahun 1960 Persekutuan Tanah Melayu telah menyertai buat pertama kalinya Persidangan Perdana-Perdana Menteri Komanwel. Persidangan tersebut telah diadakan di London dan dihadiri oleh Ketua-ketua Negara Afrika Selatan, Britain, Ceylon, Ghana, India, Kanada, Nyasaland, Pakistan, Persekutuan Tanah Melayu dan Persekutuan Rhodesia. Persekutuan Tanah Melayu telah diwakili oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra yang ketika itu ialah Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Perbincangan utama dalam Persidangan ini tertumpu kepada soal-soal dunia, seperti soal perhubungan antara blok komunis dengan dunia bebas, masalah hubungan timur barat, soal perlucutan senjata dan perkara mengharamkan ujian senjata nuklear. Soal dasar apartheid di Afrika Selatan juga telah disuarakan dan Y.T.M. Tunku telah ber terang-terang mengenai dasar ini. Y.T.M. Tunku juga telah menyuarakan soal perbezaan layanan terhadap kaum-kaum di Afrika Selatan.

Gambar menunjukkan Perdana-Perdana Menteri Komanwel bergambar ramai bersama-sama Queen Elizabeth II di Persidangan tersebut. Kelihatan di sebelah kiri Baginda Queen ialah Perdana Menteri British Sir Harold Wilson, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra ialah nombor dua dari kanan. Gambar diambil di St. James Palace, London pada 3 Mei, 1960.

Sumber: APTARP G.2363

T.26. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman disambut meriah sekembalinya dari Persidangan Perdana-Perdana Menteri Komanwel, 1960

Rakyat Persekutuan Tanah Melayu telah menyambut ketibaan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dari lawatannya ke negara-

negara Eropah dan Persidangan Perdana-Perdana Menteri Komanwel di London. Dalam lawatannya dan sewaktu persidangan, Tunku telah mengenalkan dan mengharumkan nama Persekutuan Tanah Melayu di mata dunia dengan perjuangan menentang dasar apartheid di Afrika Selatan.

Kira-kira 10,000 orang dari segala bangsa telah berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur untuk menyambut kepulangan Tunku dan rombongannya.

Kelihatan dalam gambar Tunku sedang memeriksa barisan kehormat Kaum Ibu UMNO di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 15hb. Jun, 1960.

Sumber: APTARP G.2373

T.27. Pengisytiharan Penamatan Undang-Undang Darurat (1948), 1960

Tunku Abdul Rahman Putra Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah mengisytiharkan penamatan undang-undang darurat yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1948. Pengisytiharan itu dibuat di Bilik Kabinet, Bangunan Parlimen pada 31hb. Julai, 1960. Pada 18hb. Jun, 1948 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengisytiharkan darurat di seluruh negara okoran dari keganasan pemogokan yang telah dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) dalam usahanya untuk berkuasa di negara ini.

Kelihatan dalam gambar Perdana Menteri Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sedang menandatangani perisytiharan penamatan Undang-undang Darurat 1948. Kelihatan juga duduk dari kiri ke kanan ialah Encik Abdul Aziz Ishak (Menteri Pertanian), Encik Tan Siew Sin (Menteri Kewangan), Tun Abdul Razak bin Hussein (Timbalan Perdana Menteri), Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra (Perdana Menteri), Datuk Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman (Menteri Hal Ehwal Luar Negeri), dan Datuk Sulaiman bin Datuk Abdul Rahman (Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri). Berdiri ialah Datuk Abdul Aziz bin Abdul Majid (Setiausaha Kabinet).
Sumber: APTARP G.2096

T.30. Mesyuarat Pertama Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) Di Bangkok, Thailand, 1961

Menteri-menteri Luar Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) bergambar ramai di Mesyuarat Pertama Pertubuhan tersebut yang telah diadakan di Bangkok, Thailand pada 31 Julai, 1961.

Pertubuhan Asia Tenggara lahir dari cadangan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra yang pada mulanya dianggotai oleh negara-negara seperti Filipina, Persekutuan Tanah Melayu dan Thailand.

Tujuan Pertubuhan ini ditubuhkan, ialah untuk mewujudkan kerja-kerja serantau terutama dalam bidang ekonomi, kebudayaan, dengan harapan kerjasama ini akan dapat memelihara hubungan rapat antara negara-negara anggota.

Dalam tahun 1967, negara Indonesia dan Singapura telah menyatakan hasratnya untuk bersama-sama menganggotai pertubuhan ini. Dengan kemasukan kedua-dua negara ini nama ASA telah ditukar kepada ASEAN (Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara) di mana negara-negara yang terlibat ialah Filipina, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Gambar menunjukkan duduk dari kiri ke kanan ialah Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra (Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu), Encik Thanat Khoman (Menteri Luar Thailand) dan Encik Fibberto Serrano (Setiausaha Luar Filipina). Berdiri di belakang ialah delegasi dari negara-negara anggota Pertubuhan tersebut.
Sumber: APTARP G.431

T.32. Rombongan Malaysia Kembali dari London, 1963

Usaha Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra untuk membentuk Persekutuan Malaysia mendapat tentangan dari beberapa negara dan golongan-golongan tertentu. Bagaimanapun sejak beliau memajukan cadangan Malaysia pada tahun 1961 hingga tahun 1963, beliau dengan gigih, tabah dan berani menjadikan cadangan itu satu kenyataan.

Setelah rakyat negeri Sarawak dan Sabah bersetuju dengan pembentukan Persekutuan Malaysia, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra dan pemimpin-pemimpin Singapura, Sarawak dan Sabah telah berlepas ke London pada akhir bulan Jun 1963. Pada 9 Julai 1963 mereka telah menandatangani Perjanjian Malaysia di mana negeri-negeri yang terlibat bersetuju dengan penubuhan Malaysia.

Kelihatan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak bin Hussein, Tun Tan Siew Sin dan Encik Lee Kuan Yew, disambut oleh rakyat sekembalinya mereka dari perundingan di London.

Sumber: APTARP G.2366

T.33. Perlantikan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Canselor Universiti Malaya, 1962.

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke III, Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalulail sebagai Canselor Universiti Malaya pada 26 Januari, 1962.

Dengan perlantikan ini, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra adalah merupakan rakyat Malaysia yang pertama dilantik memegang jawatan tersebut. Perlantikan ini dibuat untuk mengenang jasa-jasa dan sumbangan beliau terhadap negara.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman

Putra sedang menerima surat perantian jawatannya daripada Naib Canselor, Universiti Malaya Datuk Alexander Oppenheim di satu upacara penyampalan ijazah yang telah diadakan di Stadium Negara, Kuala Lumpur pada 16 Jun, 1962.

Sumber: APTARP 429

T.34. Pembentukan Badan Perunding Maphilindo, 1963

Satu persetujuan yang lebih dikenali sebagai 'Manila Accord', telah berjaya membentuk 'Maphilindo' iaitu sebuah gabungan yang terdiri daripada Filipina, Indonesia dan Malaysia.

Persetujuan tersebut telah disahkan oleh ketua ketiga-tiga buah negara iaitu Presiden Macapagal, Presiden Soekarno dan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra di Sidang Kemuncak Manila pada 31 Julai, 1963.

Maphilindo dibentuk bagi memudahkan usaha-usaha untuk menyelesaikan sengketa antara ketiga-tiga buah negara mengenai Gagasan Malaysia dan juga untuk mengeratkan lagi kerjasama dalam bidang keselamatan, sosial, ekonomi dan kebudayaan.

Gambar menunjukkan ketiga-tiga pemimpin negara dari kiri ke kanan ialah Presiden Soekarno (Indonesia), Presiden Macapagal (Filipina) dan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra (Malaysia) di Sidang Kemuncak di Manila pada 31 Julai, 1963.

Sumber: APTARP G.2380

T.35. Perisytiharan Penubuhan Malaysia, 1963

Pada 16 September, 1963, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah mengisytiharkan kepada dunia kelahiran sebuah negara baru yang dikenali sebagai Malaysia. Penubuhan Malaysia telah dipersetujui apabila satu perjanjian telah

ditandatangani oleh Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai, 1963. Mengikut perjanjian kelima-lima negara telah bersetu u untuk membentuk sebuah negara baru yang bersatu dan berdaulat yang dinamakan Malaysia. Dengan penubuhan Malaysia maka Sabah, Sarawak dan Singapura telah terlepas daripada belenggu penjajahan British.

Upacara membaca deklarasi penubuhan Malaysia itu telah dilakukan di hadapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Bag nda Yang di-Pertuan Agong yang ke IV, Raja-raja Me ayu, Gabenor-gabenor Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Sabah dan Sarawak. Turut serta dalam upacara itu ialah tiga orang pem mp n dari negara anggota Malaysia iaitu Enc k Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura, Encik Dona d Stephen, Ketua Menteri Sabah dan Encik Stephen Kalong N ngkan, Ketua Menteri Sarawak.

Kel hatan dalam gambar: Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sedang mengangkat tangan sambil berteriak 'Merdeka' sebanyak tu uh kali dengan diiringi oleh dentuman seratus satu das tembakan meriam d' hadapan lebih dari tiga puluh ribu rakyat Malaysia di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 16 September, 1963.

Sumber APTARP G.2336

T 37 Anugerah Bintang Kehormat Dari Korea Selatan, 1964

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah dikurniakan bintang kehormat yang tertinggi sekali dari Korea Selatan sebagai menghormati jasa jasa beliau dan hubungan baik antara kedua-dua negara.

Kelihatan dalam gambar Menteri Luar Korea Selatan Dr. Tang Won Lee sedang menyematkan bintang kebesaran 'Meritorius Service Order' First Class, iaitu bintang kehormat yang tertinggi sekali bagi negara itu kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra di kediamannya di Kuala Lumpur pada 22 Disember, 1964.

Sumber. APTARP G.504

- T.40. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra menerima anugerah Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), 1970**

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong Yang Keempat telah berkenan menganugerahkan Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra. Upacara penganugerahan telah diadakan di Istana Negara pada 2 September, 1970. Anugerah tersebut adalah untuk memperingati jasa-jasa beliau yang tidak ternilai terhadap negara yang telah berjaya mendapatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu tanpa pertumpahan darah dan dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Kelihatan dalam gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang menganugerahkan Darjah Utama Seri Mahkota Negara kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra.

Sumber: APTARP G.2345

- T.41. Ucapan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, di Perjumpaan UMNO, di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970**

Ucapan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra kepada wakil-wakil dari bahagian perhubungan negeri dan semua ahli UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 22 September, 1970. Ucapan ini adalah ucapan yang terakhir dan bersejarah bagi Y.T.M. Tunku kerana selepas ini beliau bersara dari menjadi Perdana Menteri Malaysia, yang telah dipegangnya sejak dari Malaya Merdeka dalam tahun 1957.

Semasa berucap Y.T.M. Tunku telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli UMNO yang telah memberi kepercayaan yang sepenuhnya kepada beliau dan taat-setia

yang tidak berbelah bagi kepada UMNO. Seterusnya beliau menyeru semua ahli UMNO supaya terus berjuang dan memberikan sokongan kepada pemimpin UMNO agar jangan bosan terhadap perjuangan mereka. Adalah menjadi harapan Y.T.M. Tunku bahawa perjumpaan hari itu dapat membantu azam ahli-ahli UMNO untuk berjuang terus bagi masa depan demi kepentingan agama, bangsa dan negara.
Sumber APTARP U.96

T 42. Jamuan Perpisahan Untuk Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, 1970

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sedang meneliti Talam Perak yang dihadiahkan oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak bin Hussein di satu majlis jamuan perpisahan untuk beliau di Dewan Banquet, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 23 September 1970.

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO pada 22 September 1970. Tempat beliau telah digantikan oleh Tun Abdul Razak bin Hussein, sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua.
Sumber APTARP G.2355

T 44 Tunku Abdul Rahman Putra Melawat Iran, 1970

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra (tengah) semasa mengunjungi Shah Iran sewaktu melawat Iran dalam tahun 1970. Lawatan tersebut dibuat selepas beliau bersara dari jawatan Perdana Menteri.
Sumber: APTARP G.2369

T 45 Perletakan Jawatan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Presiden UMNO, 1970

~~2.~~ Dalam perhimpunan Agung UMNO Kali yang Ke-22, pada 23 hingga 24 Januari, 1971 Y.T.M. Tunku Abdul Rahman

Putra telah meletakkan jawatannya sebagai Presiden UMNO. Sebelum itu Y.T.M. Tunku telah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 22 September 1970.

Y.T.M. Tunku mula mengambilalih pucuk pimpinan UMNO dari Datuk Onn bin Jaafar pada 26 Ogos 1951. Beliau telah dilantik menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Ogos, 1955 dan kemudian menjadi Perdana Menteri Pertama apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan pada tahun 1957.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sedang berucap buat kali terakhir sebagai Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO yang Ke-22 pada 23 Januari, 1971 di Hotel Merlin, Kuala Lumpur.

Sumber: APTARP G.2370

- T.48. Ucapan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Sebagai Pengerusi, di Perhimpunan Penubuhan Jawatankuasa Perseediaan Penubuhan Bank Islam, Jeddah, 14 Mei, 1974

Ucapan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Pengerusi, di perjumpaan Penubuhan Jawatankuasa Perseediaan Penubuhan Bank Islam di Jeddah pada 14 Mei, 1974. Dalam ucapan tersebut Tunku telah menerangkan bahawa di antara objektif penting penubuhan Bank ini ialah untuk menolong negara-negara Islam dalam menyelesaikan masalah kewangan bertandakan lunas-lunas dan prinsip-prinsip Islam. Seterusnya Tunku berharap usaha penubuhan Bank Islam ini akan berjaya walaupun ianya sukar untuk ditubuhkan. Beliau juga telah merakamkan ucapan terima kasihnya kepada Allahyarham Raja Faisal dan Kerajaan Pakistan kerana masing-masing telah mendermakan sebanyak dua ratus lima puluh ribu dollar Amerika (US \$250,000) bagi pembayaran penubuhan Bank Islam ini. Tunku berharap agar banyak lagi negara-negara Islam bersatu dan memberikan sumbangan dan buah fikiran yang berguna dalam mewujudkan persetujuan penubuhan Bank Islam bagi orang-orang Islam.

Sumber: APTARP/U.160

T.49. Bergambar Ramai Selepas Persidangan Menteri-Menteri Kewangan, , Jeddah 1974

Y T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bergambar ramai selepas Persidangan Menteri-menteri Kewangan Islam, di Jeddah pada bulan Ogos, 1974. Di persidangan ini, Tunku Abdul Rahman Putra telah mengemukakan satu 'Charter' bagi penubuhan Bank Pembangunan Islam dan telah d terima dengan sebulat suara oleh ahli-ahli persidangan. Pertubuhan yang dianggotai oleh dua puluh enam buah negara itu telah bersetu u menubuhkan Bank Pembangunan Islam dengan modal sejumlah dua ribu juta dollar Amerika yang terbahagi kepada dua ratus r bu saham tiap-tiap satu berharga sepuluh ribu Dinar

Sumber APTARP G 2352

T 5 THINK BIG Memenang Perlumbaan Piala Melbourne 1975

Y T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sedang memegang kepala kudanya yang bernama 'Think B g', selepas memenang umba kuda untuk merebut Piala Me bourne' pada 11 April, 1975 d Melbourne, Australia. Think B'g' ialah kuda yang d m ik oleh beliau bersama-sama dengan Datuk Tan Chin Nam dan Encik Rick O Sullivan. Sebelum daripada ini 'Think Big' uga pernah memenangi Piala Melbourne iaitu pada tahun 1974.

Perlumbaan kuda adalah merupakan salah satu jenis sukan yang diminati oleh Y.T.M. Tunku dan kuda beliau kerap kali memasuki pertandingan-pertandingan sama ada pertandingan di dalam ataupun di luar negeri.

Kelihatan juga dalam gambar ialah Bart Cummings pelatih kuda 'Think Big'.

Sumber APTARP G.2343

- T.51. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari Universiti Sains Malaysia, 1975**

Canselor Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail telah berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra di Majlis Konvokesyen Yang Ke-4 Universiti tersebut pada 3 Jun, 1975.

Y.T.M. Tunku merasa begitu terharu menerima hadiah paling besar dan bermakna baginya selepas bersara dari arena politik. Ijazah tersebut dianugerahkan kepada beliau sebagai memperingati jasa-jasa beliau terhadap negara dan ia merupakan Ijazah Kehormat yang kesepuluh yang diterima oleh beliau.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sedang menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang dari Canselor Universiti Sains Malaysia.

Sumber: APTARP G.2356

- T.52. Upacara Meletakkan Batu Asas Bangunan PERKIM, Kuala Lumpur 1976**

Dengan usaha gigih Yang DiPertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, PERKIM telah berjaya membina sebuah bangunan-nya di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah merasmikan permulaan kerja pembinaan bangunan tersebut pada 8 Februari, 1976.

Projek yang berharga \$23 juta itu dibiayai dengan pinjaman dari Pertubuhan Dakwah Arab Jamahiriyah Libya (Islamic Dakwah Association of Libyan Arab Jamahiriyah) sebanyak \$11 juta dan pinjaman dari Majlis Islam Sabah sebanyak \$6 juta, selebihnya diperolehi dari bantuan dan sumbangan

orang ramal dan pertubuhan-pertubuhan dalam dan luar negeri.

Bangunan tersebut mengandungi 4 tingkat blok podium bagi tempat letak kereta dan tempat membeli belah serta blok menara setinggi 24 tingkat. Projek ini dijangka siap pada tahun 1982. Adalah diharapkan bangunan ini apabila siap akan memungut \$1.5 juta setahun, hasil dari sewaan ruang pejabat dan kedai-kedai. Wang ini akan digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti PERKIM.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sedang menyodok pasir di upacara permulaan kerja membina bangunan PERKIM di Jalan Ipoh pada 8 Februari 1976 sempena hari keputeraan Y.T.M. Tunku yang ke-73. Kelihatan juga yang bersongkok di dalam gambar ialah Tan Sri Haji Abdul Aziz bin Mohd. Zain, Setiausaha Jawatankuasa projek bangunan ini.

Sumber: APTARP G.2364

- T.56. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra menandatangani buku keduanya yang berjudul 'View Points' atau 'Sudut Pandangan'. Buku ini merupakan kumpulan rencana-rencana yang telah dipilih dari ruangan minggunya dalam akhbar 'The Star' dari tahun 1976 dan 1977. Buku keduanya ini diterbitkan oleh Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. Sebuah Syarikat Buku Antarabangsa yang setebal 265 muka surat itu dijual dengan harga \$10.00 senaskah.

Rencana-rencana yang terdapat dalam buku tersebut adalah mengenai sejarah silam yang pernah dilalui oleh Y.T.M. Tunku yang dapat memberi peluang kepada generasi muda memahami peranan utama yang dimainkan oleh beliau dalam peristiwa-peristiwa yang menarik sebelum Merdeka dan tahun-tahun selanjutnya.

Kelihatan dalam gambar Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sedang menandatangani sebuah buku 'View Points' di Kedai Buku di MPH di Jaya Supermarket, Petaling Jaya.

Di belakang beliau ialah Setiausaha Peribadinya Encik Cheah Phee Cheok.

Sumber: APTARP G.2347

- T.61. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra di Majlis Jamuan Makan Malam Persatuan Cina Malaysia, 1981

n n

Satu majlis jamuan makan malam telah diadakan oleh Persatuan Cina Malaysia (MCA) untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn yang telah meletakkan jawatannya pada 16 Julai, 1981. Jamuan tersebut telah diadakan di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 19 Ogos, 1981. Turut hadir dalam jamuan tersebut ialah Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Kelihatan di dalam gambar Y.T.M. Tunku bersama-sama dengan Datuk Hussein Onn (kiri sekali) dan Perdana Menteri Malaysia yang baru Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Presiden MCA Datuk Lee San Choon.

Sumber: APTARP G.2375

- T.62. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dari 'United States Sports Academy', 1981

'United States Sports Academy' telah menganugerahkan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra dengan Sijil Perkhidmatan Cemerlang pada 30 November, 1981. Penganugerahan tersebut adalah bagi menghargai jasa dan sumbangannya yang tidak ternilai semasa menjadi Presiden Persekutuan Bolasepak Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan juga sumbangannya di dalam bidang sukan antarabangsa.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Presiden Lem-

baga Amanah, United States Sports Academy, Dr. Thomas P. Rosandich di Kelab Lumba Kuda Selangor pada 30 November, 1981.

Kelihatan dalam gambar Dr. Thomas P. Rosandich sedang menyampaikan sijil tersebut kepada Tunku Abdul Rahman Putra.

Sumber: APTARP G.3474

T 63 Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra melawat ke Republik Rakyat China, 1982.

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, sebagai Yang DiPertua PERKIM (Pergerakan Islam Malaysia) bersama-sama dengan lapan orang perwakilan telah melawat ke Republik Rakyat China mulai 10 Mei, 1982 selama sepuluh hari atas undangan Persatuan Islam China.

Sebagai Presiden RISEAP (Regional Islamic Dakwah Council for South East Asia and Pacific), Tunku telah diundang untuk melihat sendiri kegiatan penganut-penganut agama Islam di negara itu.

Lawatan tersebut adalah yang pertama kali dibuat oleh seorang pemimpin pertubuhan dakwah. Antara tempat-tempat yang dilawati ialah Peking, Shanghai, Hangchow, Canton dan akhir sekali Hong Kong. Beliau juga telah menyerahkan derma sebanyak US\$5,000 (Lima Ribu Dollar Amerika), kepada Imam Masjid Beijing bagi pihak PERKIM.

Kelihatan dalam gambar ialah Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bergambar ramai bersama-sama para pembesar Islam di Republik Rakyat China dan delegasi Malaysia yang terdiri dari Tun Omar Yoke Lin Ong (Speaker Dewan Negara) Tan Sri Haji Yusof Ibrahim (Naib Presiden PERKIM), Datuk Hussein Mohamed Osman (Setiausaha Agong RISEAP), Datuk Dr. Al-Hady (Doktor Peribadi kepada Y.T.M. Tunku) dan Ustaz Haji Ibrahim (Jurubahasa

dari PERKIM). Gambar diambil di hadapan bangunan Persatuan Islam Cina di Beijing, Peking.
Sumber: APTARP G.2350

- T.65. 'Album Malaya Merdeka' 31 Ogos, 1957 disusun dan diterbitkan oleh Nong Chik Ghani, I.B. Muara, A. Rahim Satiman dan Adnan Ahmad Qalam, 1957, 99 muka surat

'Album Malaya Merdeka' ini diterbitkan sempena menyambut Hari Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Kandungannya mengenai sejarah Tanah Melayu mulai dari kedatangan kuasa-kuasa Barat iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris sehingga Malaya Merdeka pada 31 Ogos, 1957. Buku ini dapat mengenang kembali perjuangan pemimpin-pemimpin negara dan rakyat, untuk mendapatkan Kemerdekaan Tanah Melayu.

Sumber: APTARP/P.51/74

- T.67. 'Prince And Premier' oleh Harry Miller diterbitkan oleh George G. Harrap & Co. Ltd. 1959, 224 muka surat

'Prince and Premier' mengenai riwayat hidup Y.T.M. Tunku secara mendalam dan perjuangan beliau bersama UMNO bagi menuntut kemerdekaan. Kandungan buku ini mengisahkan akan kepahitan perjuangan Y.T.M. Tunku menghadapi ancaman pihak komunis yang ingin menakluki Malaya. Walaupun terdapat banyak rintangan dan halangan dalam mencapai kemerdekaan Y.T.M. Tunku sebagai seorang pemimpin telah berjaya menghadapi segala cabaran. Y.T.M. Tunku telah menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama pada tahun 1957.

Sumber: APTARP/P. 7/82

- T.69. 'Tribute to Tunku Abdul Rahman' oleh S. Durai Raja Singam Diterbitkan oleh Malayan Times Limited, 1963, 147 muka surat

Buku ini diterbitkan sebagai cenderamata untuk harijadi Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra yang ke 60 tahun pada

tahun 1963. Kandungannya banyak memperkatakan tentang riwayat hidup dan personaliti Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra sebagai seorang Putera Di Raja dan juga sebagai seorang Perdana Menteri Malaysia yang pertama dari pandangan beberapa orang penulis.

Sumber: APTARP/P. 63/76

- T.73. 'The Prince And I' oleh T.H. Tan, diterbitkan oleh Sam Boyd Enterprise, Mini Media Pte. Ltd. 1979, 187 muka surat

Buku ini menggambarkan sejarah perjuangan politik penulis, Tan Tong Hye atau dikenali sebagai Mohamad Tahir bersama Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra. Buku ini menceritakan tentang penglibatan T.H. Tan dalam politik semasa di bawah pimpinan Datuk Tan Cheng Lock dan kemudian Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra. Penulis sebagai Setiausaha Malayan Chinese Association (MCA) pernah mengiringi Y.T.M. Tunku ke London untuk membincangkan perkara mengenai kemerdekaan pada tahun 1956. Hasil daripada kegigihan dan ketabahan hati penulis bersama Y.T.M. Tunku dalam rundingan tersebut akhirnya British bersetuju memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Sumber: APTARP P.2/80

- T.75. Artikel bertajuk 'Lawatan Tunku Ke China' di dalam majalah 'Islamic Herald' terbitan PERKIM Volume 6, Nombor 3 dan 4, 1980

Artikel menceritakan lawatan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra selaku Presiden Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Majlis Dakwah Islamiah Rantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP) di China pada 9 Mei, 1982 Tujuan lawatan beliau ialah untuk meninjau kemajuan dan aktiviti-aktiviti orang-orang Islam di Negeri China. Semasa di negeri China rombongan beliau telah dapat berjumpa dengan beberapa orang pemimpin pertubuhan Islam

di sana bagi membincang dan berdialog mengenai masalah-masalah yang mereka hadapi. Rombongan Y.T.M. Tunku juga telah sempat melawat beberapa buah masjid di negeri China antaranya termasuk Masjid Ninjie di Peking.
Sumber: APTARP/P.6/82

T.78. Surat Penganugerahan pingat daripada Sultan Kedah, 1959

Surat penghormatan daripada Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darulaman kepada Y.T.M. Tunku Abdul Rahman mengenai penyampaian pingat berkembar dari baginda pada 20 Februari, 1959.
Sumber: APTARP, PNG. 3/79

T.79. Suratcara Perlantikan sebagai Canselor Universiti Malaya, 1962

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman merupakan seorang rakyat Tanah Melayu yang pertama dilantik menjadi Canselor Universiti Malaya. Perlantikan ini diberikan kepada beliau kerana jasa dan sumbangannya kepada negara. Upacara perantikan tersebut diadakan di Stadium Merdeka sempena Konvokesyen Universiti Malaya pada bulan Jun, 1962.
Sumber. APTARP

T.80. Dokumen Pemasyuran Kemerdekaan, 1957

Salinan Dokumen Pemasyuran Kemerdekaan yang dibaca oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra pada 31 Ogos, 1957, di Stadium Merdeka, sempena Hari Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.
Sumber: Koleksi Perkhidmatan Perolehan P.127

T.80(A) Dokumen Pemasyuran Malaysia, 1968

Salinan Dokumen Pemasyuran Malaysia yang dibaca oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra pada 17 September

1963. Pemasyruran itu yang sepatutnya dijalankan pada 16 September terpaksa ditunda pada esok harinya kerana hujan lebat.

Sumber Koleksi Arkib Perkhidmatan Perolehan P.128

T 81 Surat Penghargaan Dari Kerajaan German Barat, 1967.

Sumber Arkib Perdana Menteri. APTARP PNG. 2 79

T 83 Surat Penghargaan Dari UMNO, 1971.

Y T M Tunku Abdul Rahman Putra telah meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO pada 22 September, 1970. Bagi mengingati jasa, perjuangan dan kepimpinannya selama 20 tahun sebagai Presiden UMNO dan selama 15 tahun sebagai Perdana Menteri, Persidangan Perhimpunan Agung UMNO telah meluluskan ketetapan, untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan penghormatan kepada Y.T.M. Tunku. Ketetapan ini telah diluluskan di Persidangannya pada 23 Januari, 1974.

Sumber Koleksi APTARP PNG. 12/78

T 88. Cenderamata Daripada UMNO Pulau Pinang

Cenderamata yang telah dihadiahkan oleh ahli-ahli Perikatan Pulau Pinang sempena Hari Keputeraan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra yang ke-68 pada 8 Februari, 1971

Sumber Y T M Tunku Abdul Rahman

T 91 Kayu Golf

Bermain golf adalah salah satu hobi sukan yang diminati oleh Y T M Tunku Abdul Rahman Putra. Beliau mempunyai koleksi kayu-kayu golf yang menarik. Set kayu golf di atas adalah antara koleksi kayu golf yang ada dalam simpanan beliau

Sumber APTARP 10 1977 PH(a)1

T.93. Kayu Golf - 'Pemenang Permainan'

Kayu golf yang dipanggil 'Pemenang Permainan' adalah cenderamata daripada Timbalan Menteri Pertahanan Thai, Ketua Marshall Udara Tan Sri Dawee Chullasapya untuk Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra.

Pemukul kayu golf ini mempunyai sebuah hon, loceng, cermin melihat belakang, lampu berbateri dan pita pengukur.

Sumber: APTARP 8-/1979 PH(a)12

T.94. Pakaian untuk Majlis Rasmi

Pakaian yang biasa dipakai oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra bagi upacara-upacara rasmi.

Sumber: Dari Y.T.M. Tunku

